

Headline	MALAYSIA miliki banyak KEUNIKAN		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	13 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	E10	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	715 cm ²
Journalist	aniza zainudin	AdValue	RM 28,059
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,177



MALAYSIA miliki banyak KEUNIKAN

Guru Geografi tertarik dengan keindahan dan toleransi pelbagai kaum di Malaysia



Oleh Aniza Zainudin

anizazainudin@hmetro.com.my

Ketulusan hati seorang pemandu wanita yang sanggup menghantar Mark Williams ke lokasi ditujui selepas ditinggalkan pemandu teksi, mencipta satu persepsi positif dalam diri lelaki berasal dari United Kingdom ini terhadap Malaysia.

Bermula daripada peristiwa itu, lelaki berusia 45 tahun ini berasakan dia perlu berada di Malaysia dan menerokai keunikan serta keistimewaan negara ini.

Aktif dalam maraton, pelari profesional ini juga menyifatkan Malaysia memiliki iklim dan ke-

dudukan geografi terbaik bagi melakukan aktiviti-nya.

❓ Kali pertama anda datang ke Malaysia dan tujuannya?

❶ Kali pertama menjajakkan kaki ke Malaysia sekitar awal 2000 kerana transit penerbangan dari New Zealand ke Hong Kong.

Ketika itu, saya bekerja di sebuah sekolah di Hong Kong. Bagi saya, Malaysia sebuah negara yang menarik untuk didiami dan memiliki pelbagai keunikan.

Justeru, saya membuat keputusan untuk menghadiri sesi temuduga guru di Alice Smith School

pada 2008 dan berjaya untuk jawatan guru Geografi di sini.

Jadi, saya dan keluarga berpindah ke Malaysia sejak lapan tahun lalu dan menjalani kehidupan yang menarik di negara ini.

❓ Sejauh mana pengetahuan anda mengenai Malaysia sebelum ke sini?

❶ Tarikan Malaysia bagi saya adalah kepelbagaian sama ada penduduk, makanan, agama dan sebagainya.

Diversiti itu membuatkan saya terpenggil untuk berada di sini.

❓ Cabaran yang anda hadapi sepanjang berada di Malay-

sia?

❶ Sebagai pelari profesional, sedikit sebanyak saya terkilan dengan kategori pelari yang ditawarkan penganjur terutama mem-babitkan pelari kategori terbuka. Seharusnya penganjur memberi peluang kepada pelari luar untuk menyertai pertandingan.

Cuaca Malaysia adalah terbaik dan saya boleh berlari pada bila-bila masa malah banyak lokasi menarik disediakan seperti Taman Tasik Perdana, FRIM dan Bukit Kiara. Saya juga pernah ke Pahang, Johor, Kedah mahupun Pulau Pinang untuk berlari.

Headline	MALAYSIA miliki banyak KEUNIKAN		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	13 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	E10	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	715 cm ²
Journalist	aniza zainudin	AdValue	RM 28,059
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,177

📍 Pengalaman menarik ingin dikongsikan?

📍 Selain menjadi guru, saya juga pelari profesional dan kerap menyertai maraton di beberapa negara Asia termasuk Malaysia, Singapura dan Hong Kong sejak berusia 27 tahun.

Berbekalkan pengalaman itu, saya dijemput sebagai penceramah jemputan bagi program larian sekali gus membuka ruang kepada saya untuk bergaul dengan lebih rapat bersama rakyat tempatan.

Saya juga tertarik dengan kesungguhan rakyat tempatan yang menitikberatkan kesihatan dan kecergasan diri.

Sebenarnya saya kagum dengan keharmonian Malaysia dan sikap toleransi antara kaum yang disemai sekian lama. Biar pun berbeza warna kulit, adat dan agama, mereka kekal bersatu di bawah satu negara.

Pengalaman saya me-

nyertai pertandingan maraton di Malaysia turut meninggalkan memori indah.

📍 Lokasi kegemaran anda?

📍 Putrajaya sebuah tempat yang sangat indah sama ada pemandangan, alam sekitar mahupun keunikan reka bentuk bangunan kerajaan.

Setiap hari saya akan ke Putrajaya untuk berlari sekurang-kurang satu jam 30 minit dan saya sangat gembira berada di sana.

Sebagai guru subjek Geografi, saya juga menghayati keindahan hutan khatulistiwa Malaysia, Taman Negara. Boleh dikatakan setiap tahun, sekolah ini mengadakan rombongan sambil belajar ke sana.

Pulau pilihan pula pastinya Pulau Pangkor dan Pulau Redang!

📍 Makanan tempatan kegemaran anda?

📍 Nasi lemak dan roti canai.

📍 Malaysia di mata anda?

📍 Saya yakin Malaysia boleh membangun ke arah yang lebih baik berbanding sekurang.

PROFIL

NAMA: Mark Williams
ASAL: United Kingdom
LAHIR: 3 Mac 1971
KERJAYA: Guru Geografi
STATUS: Berkahwin
KEDIAMAN: Sungai Buloh, Selangor

Headline	MALAYSIA miliki banyak KEUNIKAN		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	13 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	E10	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	715 cm ²
Journalist	aniza zainudin	AdValue	RM 28,059
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,177



Headline	MALAYSIA miliki banyak KEUNIKAN		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	13 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	1,270,667
Page No	E10	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	715 cm ²
Journalist	aniza zainudin	AdValue	RM 28,059
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,177

